

PEMBIAYAAN MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN ASNAF ZAKAT: KAJIAN KES DI MAIDAM, TERENGGANU

MICRO FINANCING AMONG ASNAF ZAKAT ENTREPRENEURS: A CASE STUDY IN MAIDAM, TERENGGANU

Khairunnisa Mohd Azamri*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu,
Kampus Dungun Sura Hujung,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Muhammad Anas Ibrahim

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu,
Kampus Dungun Sura Hujung,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

**Corresponding Author's Email: axiasri24@gmail.com*

Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Azamri, K. M. & Ibrahim, M. A. (2024). Pembiayaan Mikro Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Zakat: Kajian Kes Di MAIDAM, Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 1-13.

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan melihat agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat yang boleh dilakukan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kaedah agihan semasa ini lebih bersifat "one off". Namun, seringkali disalahgunakan atau dana yang disediakan tidak ada tanggungjawab daripada pihak penerima. Oleh itu, kaedah agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro ini memberikan tanggungjawab bersama untuk dilakukan supaya dana yang diagihkan tidak mengalami kerugian. Persoalannya, apakah akan berlaku sekiranya suatu ketika kelak amaun pungutan zakat tahunan terjejas sedangkan golongan asnaf semakin bertambah? Apatah lagi pemberian modal kerja dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur-unsur riba. Data dipungut daripada informan melalui temubual separa struktur terhadap pengamal zakat dan dianalisis secara analisis kandungan. Dapatan daripada data primer dan sekunder memperlihatkan bahawa terdapat

pandangan yang membenarkan agihan zakat diberikan secara pembiayaan mikro kredit untuk modal perniagaan atau modal tambahan mengembangkan perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf. Kontrak yang sesuai digunakan adalah qardu hasan, mudarabah, musyarakah mutanaqisah, ijara. Selain itu, ulasan mengenai definisi pembiayaan mikro kredit, hukum pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat dan amalan pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat di negara luar boleh dijadikan model untuk diaplikasikan di institusi-institusi zakat di Malaysia.

Kata kunci: pembiayaan mikro, usahawan asnaf, MAIDAM

ABSTRACT

This paper aims to examine the distribution of zakat in the form of micro-credit financing from zakat funds that can be implemented by the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM). The current distribution method is more "one-off". However, it is often misused, or the funds provided lack responsibility from the recipients. Therefore, the distribution of zakat in the form of micro-financing provides shared responsibility to ensure that the distributed funds do not incur losses. The question is, what will happen if the annual zakat collection amount is affected in the future, while the number of asnaf (eligible zakat recipients) continues to increase? Moreover, the provision of working capital in the form of micro-credit currently offered is said not to be free from elements of usury (riba). Data was collected from informants through semi-structured interviews with zakat practitioners and analyzed using content analysis. Findings from primary and secondary data indicate that there are views that allow zakat distribution to be given in the form of micro-credit financing for business capital or additional capital to expand businesses among asnaf entrepreneurs. Suitable contracts to be used include qardu hasan, mudarabah, musyarakah mutanaqisah, and ijara. In addition, reviews on the definition of micro-credit financing, the law of micro-credit financing from zakat funds, and the practice of micro-credit financing from zakat funds in other countries can be used as models to be applied in zakat institutions in Malaysia.

Keywords: micro financing, asnaf entrepreneurs, MAIDAM

1.0 PENGENALAN

Perkembangan ekonomi yang pesat telah menimbulkan cabaran baru bagi usahawan asnaf, iaitu persaingan dengan syarikat yang lebih besar. Menurut Syarifah Md Yusof et. al, (2019) mendapati bahawa dana zakat yang diagihkan secara berkesan dan cekap kepada golongan asnaf akan dapat menangani masalah kemiskinan. Untuk memastikan dana zakat dikumpul dan diagihkan dengan berkesan, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti bagi menjamin taraf hidup individu dan membantu mereka keluar daripada kesusahan.

Di Malaysia, ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan telah menyebabkan kemiskinan. Hal ini kerana golongan yang lebih kaya sering diberikan keutamaan dalam hal pinjaman dan pembiayaan daripada institusi perbankan,

sementara golongan yang kurang berkemampuan sering diabaikan. Golongan miskin seperti ini akan terus terpinggir kerana mereka tidak mempunyai aset yang boleh dijadikan cagar untuk mendapatkan pinjaman atau pembiayaan. (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Terdapat kesukaran untuk mendapatkan kelulusan daripada institusi kewangan. Malah, bagi usahawan kecil yang baru hendak memulakan perniagaan memerlukan bantuan modal yang banyak. Pada peringkat seterusnya, usahawan asnaf memerlukan dana tambahan untuk mengembangkan perniagaan yang telah mereka usahakan sebelum ini.

Persaingan yang semakin sengit dengan syarikat yang lebih besar merupakan cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf dalam ekonomi yang semakin pesat. Persaingan sengit antara syarikat-syarikat berprestij lebih memberi cabaran kepada usahawan asnaf. Sebagai contoh, kedai runcit yang lebih kecil bersaing dengan pasaraya besar kerana mereka menawarkan barangan dan perkhidmatan yang sama. Namun, masih ada segelintir asnaf yang kurang berkemampuan lebih suka bantuan pinjaman dalam bentuk pinjaman jangka pendek kerana mereka lebih memilih untuk tidak keluar daripada zon selesa mereka walaupun masih dalam kemiskinan. Menurut Fatimah Salwa et. al., (2014) menyatakan bahawa penglibatan usahawan asnaf yang terlibat dalam program keusahawanan membuktikan seramai 117 peserta tidak berjaya dalam perniagaan yang diusahakan.

Jadual 1: Nilai Kutipan dalam Ringgit Malaysia (RM)

Negeri	2020 (RM)	2019 (RM)	Peratusan Peningkatan (%)
Johor	300.9	311.7	7
Kedah	217.9	206.1	6
Kelantan	202.7	195.1	4
Melaka	100.7	98.8	2
Negeri Sembilan	157.1	141.5	11
Pahang	165.3	167.2	9
Pulau Pinang	130.9	121.4	8
Perak	191.6	207.2	2
Selangor	913.0	855.1	7
Terengganu	185.1	178.7	4
Sabah	101.8	89.0	14
Sarawak	110.4	106.0	4

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN)

Maklumat terperinci diatas adalah mengenai statistik kutipan zakat di seluruh Malaysia. Kenaikan kutipan zakat negeri pada tahun 2020 adalah berbanding dengan tahun 2019, sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual di atas. Seiring dengan perkembangan semasa, MAIN telah melakukan pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan dalam perkhidmatannya kepada masyarakat.

Menurut Nor Aisyah dan Hairunnizam (2020), pemberian zakat kepada mereka yang memerlukan dapat membersihkan diri dari sifat tamak, sombong, dan kikir. Menurut Syarifah Md Yusof et. al., (2019), dana zakat yang diagihkan kepada golongan asnaf dapat membantu menangani masalah kemiskinan jika ia diuruskan dengan lebih berkesan dan cekap. Kajian oleh Ahmad dan Rashid (2017) dan Khairul dan Amirah (2019) mendapati bahawa persepsi pembayar zakat terhadap institusi zakat mempunyai hubungan positif dengan jumlah zakat yang dibayar melalui institusi formal. Hal ini penting untuk memastikan kestabilan sosio-ekonomi asnaf. Sokongan modal perniagaan dapat membantu mereka keluar dari kelompok asnaf dan menghasilkan pendapatan sendiri melalui bimbingan dan bantuan kewangan.

Bagi memastikan dana zakat dapat diurus dan diagihkan dengan berkesan, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan demi menjamin kualiti hidup penerima zakat serta membantu mereka melepaskan diri daripada kesusahan. Bantuan modal tambahan seperti pembiayaan mikro dapat meningkatkan produktiviti penyaluran zakat. Hal ini dapat membantu mencapai tujuan pengumpulan zakat secara lebih efisien.

2.0 AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF MELALUI PEMBIAYAAN MIKRO

Agihan zakat adalah bersandarkan pada ayat al-Quran dalam surah al-Taubah¹. Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015:61), para ulama memberikan pentafsiran yang berbeza tentang ayat tersebut. Namun, sebilangan daripada mereka menjadikan ayat tersebut sebagai dalil yang membolehkan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Pengagihan yang mencapai matlamat agihan adalah melalui zakat produktif. Ia digunakan secara produktif dan berkesan (Patmawati Ibrahim, 2016). Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015), kaedah yang dapat merealisasikannya adalah agihan dalam bentuk produktif. Antaranya, bantuan modal secara percuma atau pembiayaan mikro kredit. Agihan ni dapat mengurangkan jurang di antara golongan yang kaya dengan miskin.

Agihan zakat itu diberikan kepada asnaf sehingga mencukupi keperluan sehingga boleh mengeluarkan mereka daripada status asnaf (Abu 'Ubayd, 1981; Yusuf Qardawi, 2003). Oleh itu, kaedah zakat produktif melalui pembiayaan mikro dilihat selari dengan pandangan beliau. Ianya dapat membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf. Kekangan yang dihadapi golongan usahawan asnaf adalah kekurangan dana untuk dikembangkan. Di samping itu, pembiayaan mikro adalah mekanisme yang membantu golongan usahawan kecil dan sederhana mengembangkan perniagaan. Hal ini, telah dijelaskan oleh Ahmad Habib (2004), pembiayaan mikro dengan kaedah pinjaman qardul hasan di Iran telah menampakkan kejayaan kepada para petani dan peniaga dalam keperluan dana tambahan. Tambahan lagi, satu penyelidikan dilakukan di Bangladesh yang menunjukkan kaedah pembiayaan mikro ini menampak perkembangan yang positif

¹ "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Taubah 9:60)".

kepada para peniaga kecil-kecilan dan pemilik warung dalam mengatasi masalah kewangan (Mannan, 1985).

Selain itu, Ibrahim (2016) menjelaskan pada tahun 1950 bersamaan 1369 H kerajaan Pakistan mengujudkan persoalan untuk dibincangkan bolehkah dana zakat ini dipinjamkan tanpa sebarang faedah. Persoalan ini telah dibincangkan dengan mengharuskan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf bagi melakukan perubahan dalam sosial ekonomi (Shahatah, 2015). Tambahan lagi, Majlis Feqh Islam (*Majlis Feqh al-Islami*) telah membincangkan dalam satu *conference* berkaitan pelaburan dana zakat, membenarkan pelaburan dana zakat dan akhirnya dimiliki kepada usahawan asnaf (Shahatah, 2015). Dalam erti kata, ia merupakan salah satu pembiayaan kepada usahawan asnaf yang memerlukan peralatan, tempat atau sebagainya dalam mengembangkan perniagaan yang dijalankan.

Menurut Yusuf al-Qardawi (2003), pinjaman daripada dana zakat adalah lebih utama daripada pinjaman yang berunsurkan riba. Bagi, dapat membantu usahawan mengelak daripada terjerumus muamalat yang berasakan riba. Justeru, usahawan asnaf diharuskan menerima agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro (Tarimin, 2011). Menurut Ibrahim (2016), dengan adanya pembiayaan mikro ni dapat mengekang kemaraan skim kredit ribawi. Implikasinya, akan membuka ruang kepada skim pembiayaan yang bebas daripada riba yang sudah pasti diharamkan dalam syariat. Selain itu, Tarimin (2011), turut mencadangkan satu mekanisme baru dalam pembiayaan mikro kredit terhadap sektor perkhidmatan, perniagaan, pendidikan dan pembuatan. Ia bersumberkan kepada dana zakat di atas penilaian syariah. Ini menjelaskan bahawa pembiayaan mikro dapat mengembangkan lagi sektor muamalat sehingga menjana kerancakan ekonomi. Oleh itu, akan membuka peluang yang luas kepada usahawan asnaf untuk menceburi lebih banyak sektor dan tidak tertumpu kepada sesuatu sektor sahaja.

Menurut Mujaini Tarimin (2011), berpendapat sepuluh peratus ke dua puluh peratus daripada dana zakat dijadikan pembiayaan mikro kepada sektor perniagaan, perkhidmatan, pembuatan dan pendidikan. Selain itu, pembiayaan mikro membantu mengekang kemiskinan dengan membuka peluang pekerjaan kepada golongan wanita. Ini dilihat skim pembiayaan mikro merupakan ruksah dalam menjana ekonomi golongan asnaf daripada dana zakat (Ibrahim, 2016). Secara kesimpulannya, pembiayaan mikro adalah salah satu sumber kewangan kepada golongan usahawan dalam mengembangkan perniagaan. Pembiayaan ini mestilah bebas daripada unsur riba yang menindas golongan yang lemah. Justeru, dengan adanya dana zakat mampu menjadikan sumber pembiayaan mikro yang bebas riba.

3.0 DEFINISI PEMBIAYAAN MIKRO

Sejak usaha yang dilakukan oleh Muhammad Yunus dan Bank Grameen di Bangladesh, bidang pembiayaan mikro berkembang dengan begitu pesat. Hari ini, pembiayaan mikro dikatakan sebagai sesuatu yang penting dalam sistem kewangan global. Terdapat lebih 1,400 institusi kewangan mikro yang disenaraikan di *Microfinance Information Exchange* (S. Nazim Ali, 2012).

Oleh itu, Langkah pertama dalam menjalankan program pembiayaan mikro adalah memahami definisi tersebut. Menurut Beatriz Armendariz dan Marc Labie (2011:20), kerap kalinya pembiayaan mikro ini kurang jelas dari segi maksudnya.

Oleh itu, definisi terhadap pembiayaan mikro diertikan kepada pinjaman mikro kredit bagi menyediakan perkhidmatan kewangan berskala kecil. Ia tertumpu kepada golongan yang mempunyai kesulitan untuk mendapat perkhidmatan kewangan di perbankan semasa. Penyediaan pembiayaan mikro ini kepada golongan berpendapatan rendah yang bekerja sendiri.

Menurut Joanna Ledgerwood (2000), definisi kepada pembiayaan mikro adalah satu kaedah pembangunan ekonomi yang memberikan manfaat kepada golongan *low-income* (pendapatan rendah) sama ada lelaki atau wanita. Manfaat ini berbentuk kepada pemberian pembiayaan kepada golongan yang berpendapatan rendah atau yang bekerja sendiri.

Berdasarkan kepada Robinson (2001), Bank Dunia telah mendefinisikan pembiayaan mikro sebagai perkhidmatan kewangan skala kecil untuk kredit dan simpanan yang diberikan kepada sektor pertanian dan perikanan yang melakukan perusahaan kecil atau barang yang dihasilkan, jualan, kitar semula, dan membaiki. Bagi perkhidmatan pula, pekerjaan mendapatkan komisen, pajakan atau sewaan tanah, sewa kenderaan, mesin dan jentera. Selain itu, golongan yang akan mendapat manfaat daripada pembiayaan juga terdiri masyarakat bandar dan luar bandar yang mereka melakukan kemajuan pada negara. Definisi yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia menjelaskan pembiayaan mikro adalah bertujuan untuk membantu golongan usahawan mendapatkan modal pusingan dan pembelian, ia diberikan lingkungan RM 1,000 sehingga RM 50, 000. Pembiayaan bukan lah tujuan untuk peribadi tetapi untuk membiayai sesebuah perniagaan perusahaan mikro.

Secara kesimpulannya, pembiayaan mikro adalah sesuatu dana yang disediakan kepada golongan usahawan kecil untuk membantu mengembangkan perniagaan yang dijalankan dan bukan digunakan untuk kegunaan peribadi. Ia satu kaedah pembangunan ekonomi untuk membantu golongan yang mempunyai pendapatan rendah bagi meningkatkan pendapatan.

3.1 Hukum Pembiayaan Mikro Kredit Daripada Dana Zakat

Melihat kepada kaedah agihan pembiayaan mikro kredit ini lebih kepada sesuatu ijtihad yang baru berdasarkan daripada ayat al-Quran dalam surah al-Taubah (9:60). Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2016), berdasarkan kepada ayat tersebut para ulama memberikan pelbagai hukum yang berbeza dalam kaedah agihan kepada golongan asnaf.

Oleh itu, menurut al-Sayuti (2006), ayat tersebut menjadikan dalil kepada kaedah agihan zakat yang dilaksanakan oleh Baginda Nabi SAW kepada golongan asnaf. Hal ini berdasarkan satu Hadith² yang bermartabat Marfuq menjelaskan hukum agihan zakat hendak berlaku adil pembahagian harta zakat ini.

Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015), hukum membolehkan dana zakat diberikan dalam bentuk pembiayaan mikro kredit berdasarkan kefahaman bahasa ke atas ayat dalam surah at-Taubah. Perbezaannya pada huruf *li* (untuk) dan *fi* (pada) pada ayat tersebut. Hal yang sama turut dibincangkan oleh Hasanah Abd Khafidz

² Daripada Abu Said al-Khudri r.a. berkata "*ketika kami bersama dengan Rasulullah SAW yang mengagihkan harta rampasan perang, maka datang seorang lelaki daripada bani Tamim lalu berkata: Berlaku adillah. Lalu Rasulullah SAW berkata: Celakalah kamu, tidak ada lagi siapa melakukan adil lagi melainkan aku, maka sesungguhnya kamu telah rugi seandainya aku tidak berlaku adil.*" (Muslim, No:1765)

(2006:86), bahawa huruf *li* pada awal kalimah fakir, miskin, amil dan muaf. Membawa maksud kepunyaan atau hak kepada golongan tersebut. Manakala, huruf *fi* diletakkan pada awal perkataan hamba yang ingin merdeka, orang yang berhutang, orang yang berjihad pada jalan Allah dan orang yang bermusafir. Menjelaskan kepada kebebasan kepada golongan tersebut menggunakan agihan harta zakat berdasarkan kepada keperluan mereka.

Tambahan lagi, menurut Hasanah Abd Khafidz (2006), penggunaan huruf *li* adalah berasal daripada huruf *lam* yang dikategorikan sebagai huruf *lam al-idafah* iaitu *lam* yang digunapakai membawa kepada empunya sesuatu pemilikinya atau di sandarkan kepada sesuatu yang boleh dimiliki orang yang berhak memilikinya. Antara *lam al-idafah* ialah *lam al-mulk* iaitu pemilikan dan *lam al-tamlik* iaitu pindahan hak milik. Di sini Allah SWT menyatakan pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan muaf.

Menurut Hasanah Abd Khafidz (2006), menggunakan huruf *fi* pula tergolong dalam *al-hurf jar* iaitu perkataan yang tidak mempamerkan apa-apa makna jika bersendirian. Ia akan memberikan makna jika diletakkan dengan perkataan lain dalam susunan ayat. Kebanyakan ulamak menyatakan penggunaan *fi* dalam pengagihan zakat kepada golongan hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibn sabil* adalah berkaitan dengan kemaslahatan. Mereka sama sekali tidak mempunyai hak peribadi terhadap harta tersebut

Menurut Tarimin (2005), kelangsungan pemilikan harta zakat kepada golongan fakir, miskin, amil dan muaf ini seharusnya mempunyai kaedah agihan yang berkesan supaya memberikan impak kepada sektor sosial, ekonomi, kerohanian dan pendidikan. Oleh itu, keselarian daripada penggunaan huruf *li* pada awal perkataan *fuqara'* memberikan erti kepada pemilikan golongan ini (Ibn 'Arabi, 1974). Dalam bidang ekonomi kaedah yang digunakan adalah pengagihan zakat melalui zakat produktif (Zahri Hamat, 2010). Menurut Ahmed (2009:67), agihan yang produktif sudah pasti diberikan supaya memenuhi keperluan sara hidup atau bantuan yang mampu mengeluarkan mereka daripada golongan asnaf. Kaedah yang memberikan kesan adalah pemberian dalam bentuk modal bagi memulakan sesuatu perniagaan.

Hal ini, berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan bagi melakukan pembaharuan dalam pembaharuan dan agihan dana zakat ini. Pembaharuan ini di adakan pada 23 Mac 1998 yang memutuskan untuk menerima dan bersetuju dengan pembaharuan yang baru dalam pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula (Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Selangor, 2014).

Menurut Syahatah (t.t), para ulama ekonomi Islam meletakkan kepentingan dalam pengagihan zakat kepada golongan yang sepatutnya iaitu fakir dan miskin supaya pengagihan itu tidak berlaku kerugian dan pembaziran. Pengagihan itu supaya meningkatkan taraf kehidupan golongan asnaf terutama fakir dan miskin. Golongan tersebut boleh diberikan harta zakat sebagai modal permulaan dalam penglibatan untuk kegiatan ekonomi (Syahatah, t.t). Agihan ini selari dengan kaedah yang dikeluarkan oleh Yusuf al-Qardawi ialah kefardhuan zakat oleh Allah SWT sebagai mengukuhkan agama Islam dengan pengagihan zakat kepada golongan fakir dan miskin ini dalam memenuhi keperluan asas fizikal dan mental. Keperluan fizikal dijelaskan sebagai makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta

perkahwinan. Manakala, keperluan mental seperti ilmu berkaitan keusahawanan sehingga membolehkan mereka terlibat secara langsung dalam kegiatan ekonomi.

3.2 Mekanisme Pembiayaan Mikro daripada Dana Zakat

Pembasmian kemiskinan merupakan satu matlamat yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Institusi yang menyediakan pembiayaan mikro boleh memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat ini. Dengan adanya pembiayaan mikro ini secara tidak langsung akan membantu golongan miskin terkeluar daripada kepompong kemiskinan. Dengan adanya gabungan instrumen ekonomi Islam³ ini akan dapat membiayai golongan miskin melakukan perusahaan kecil (Habib Ahmed, 2012).

Dalam pecahan bab feqh pula, terdapat instrumen yang tidak berasaskan keuntungan daripada dana yang diperoleh, seperti waqaf, hibbah, wasiat, jua'lah, qardhassan dan zakat. Menurut Habib Ahmed (2012), zakat sebagai kewajipan dalam Islam yang mempunyai hubungan kait tentang ekonomi yang memberikan manfaat kepada penerima secara langsung. Dana zakat ini dihasilkan daripada harta kekayaan daripada kalangan umat Islam dan diberikan pulangan kepada golongan yang miskin sebagai mencapai pembebasan ekonomi mereka.

Menurut Phamawati Ibrahim (2016), instrumen jenis sedemikian rupa boleh dijadikan sumber pembiayaan mikro dan bantuan kewangan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan miskin. Oleh itu, pembiayaan mikro adalah salah satu cabang daripada muamalat. Ia memberikan kesan kepada perniagaan kecil-kecilan untuk mengembangkan perniagaan. Menurut Phatmawati Ibrahim (2016), kekangan mendapatkan dana menjadikan usahawan asnaf tidak dapat mengembangkan perniagaan. Namun, dengan adanya pembiayaan mikro dapat melonjakkan peratusan pengurangan usahawan asnaf kepada pembiayaan melibatkan riba (Mufid Abdul al-Lawi dan Najiyah Sollahi, t.t).

Menurut Sulaiman Naser dan 'Awatif Mohsen (2011), menjelaskan terdapat kaedah pembiayaan yang boleh dilakukan terhadap pembiayaan mikro adalah dengan Qardu Hasan (hutang tanpa faedah). Ia memberikan sokongan dana terutama golongan yang baru menceburi bidang perniagaan. Pembiayaan ini boleh dijalankan dengan pelbagai *siggah* (lazaf atau akad). Menurut Hussain Hussain Syahatah (2015), akad dalam pembiayaan mikro dipecahkan kepada beberapa jenis antaranya, *Musyarakah Muntahiyah Bitamluk* (perkongsian yang diakhiri dengan pemilikan), *al-Ijarah al-Muntahiyah Bitamluk* (sewaan yang diakhiri dengan pemilikan), *al-Baie' al-Ajil wa al-Sadadu 'ala Aqsat* (jualan tangguh dengan pembayaran secara ansuran) dan *Qardu Hassan* (hutang tanpa faedah). Sebarang pembiayaan mikro yang melibatkan riba adalah menyalahi prinsip syariah, maka ia ditegah sama sekali.

Tambahan lagi, pembiayaan mikro boleh juga melibatkan kepada akad yang lain bagi mengembangkan kaedah pembiayaan kepada golongan usahawan asnaf yang ingin mendapatkan pembiayaan. Menurut Muhammad Abdul al-Halim Umar (t.t), menjelaskan tiga konsep pembahagian pembiayaan kepada usahawan. Pertama,

³ Menurut Habib Ahmed (2012:30), instrumen ekonomi Islam ini terdiri daripada zakat, wakaf, qardhassan dan sedekah boleh memberikan impak yang besar dalam pembasmian kemiskinan.

konsep jaminan perniagaan (*'ala al-Itman al-Tijari*). Kedua, konsep perkongsian (*'ala Musyarakah*). Ketiga, tolong menolong dalam kebaikan (*'ala al-Birri wa al-Ehssan*). Akad konsep pertama iaitu, *Baie' al-Sallam*, *al-Istisna'* dan *al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahiyah*. Akad Konsep kedua, *al-Mudharabah*, *al-Musaqah*, *al-Mujara'ah* dan *al-Mugharasah*. Akad konsep ketiga, *al-Sadaqah al-Tatowu'* dan *Qardhassan*.

Selain itu, pembiayaan juga boleh menggunakan konsep perkongsian berkurangan. Menurut Zuhaira Samsudin & Ab Mumin Ab Ghani (2015), pembiayaan seperti *mudarabah* atau *musyarakah* boleh diguna pakai, tetapi untuk tempoh perniagaan yang sederhana dan lama. Disebabkan penamatan kontrak tidak boleh dilakukan secara mendadak dan penarikan diri perlu dibuat secara perlahan-lahan kerana pengusaha memerlukan masa untuk mendapatkan pulangan serta keuntungan hasil daripada perniagaan yang dijalankan. Penarikan diri secara mendadak boleh menjejaskan serta membantutkan perkembangan sesebuah perusahaan.

Oleh itu, beliau mencadangkan *musyarakah mutanaqisah*⁴ adalah instrumen yang ideal untuk dilaksanakan bagi pembiayaan mikro. Akad tersebut turut dijelaskan sebagai akad dalam pembiayaan yang adil di antara dua pihak (Nurul Izzah Noor Zainan & Abdul Ghafar Ismail, 2013). Namun, di sebalik kaedah akad yang digariskan di atas. Pemberian pembiayaan daripada dana zakat adalah sesuatu yang harus dijalankan. Maka, menurut Hussain Hussain Syahatah (2015), garis panduan pembiayaan hendaklah selari dengan syariah. Beliau menggariskan lima kerangka prosedur yang boleh menjadikan dana zakat sebagai alternatif pembiayaan kepada usahawan asnaf.

Pertama, projek yang dijalankan termasuk dalam tujuan agihan zakat iaitu menjamin kestabilan masyarakat dan ekonomi. Ini bagi mencapai matlamat sebenar agihan zakat iaitu mengurangkan jurang di antara golongan yang kaya dan miskin. Ia selari dengan hadith yang menjelaskan harta yang di ambil daripada orang kaya dan berikan kepada golongan miskin (Yusuf al-Qardawi, 2003). Kedua, projek yang jalankan oleh ahlinya. Hal ini, memastikan pembiayaan mencapai objektifnya. Supaya pembiayaan yang diagihkan tidak menghadapi kegagalan yang akan merugikan dana zakat. Ketiga, projek mesti diutamakan yang dituntut dalam *Maqasid Syariah*. Pembiayaan diutamakan kepada sesuatu projek yang mendatangkan kebaikan kepada asnaf. Ini memastikan kerosakan dapat diatasi dengan berlakunya pembiayaan mikro. Keempat, kefahaman yang berterusan dalam fiqh zakat. Ini memastikan setiap perkara yang dilakukan sama ada pembiayaan mikro atau projek yang dibiayai bertepatan kepada dengan syarak. Ini kerana, hukum fiqh akan bertukar berdasarkan kepada keadaan semasa. Kelima, projek hendaklah dikawal selia oleh institusi zakat. Ia memastikan kemajuan sesuatu projek yang dibiayai daripada dana zakat. Terdapat usahawan yang kurang ilmu tentang usahawan yang dilakukan. Menurut Suraya Ishak, Abdullah Sanusi Othman, Amal Hayati Ishak dan Mohd Fauzi Mohd Jani (2012), menunjuk kegagalan berlaku kepada usahawan apabila mereka kurang dalam ilmu perniagaan. Justeru dengan

⁴ Menurut Tahir & Ahmad (2009), pembiayaan musyarakah mutanaqisah membawa maksud kepada sepanjang tempoh pembiayaan bahagian pemilikan aset pemberi pembiayaan akan menurun tetapi sebaliknya bahagian pemilikan aset penerima pembiayaan akan menaik. Kaedah ini akan berterusan sehingga tamat tempoh akad. Maka, bahagian milikan aset akan berpindah sepenuhnya menjadi milik penerima pembiayaan.

kawal selia yang dilakukan mengurangkan risiko kerugian atau kegagalan sesuatu projek. Keenam, pembiayaan mikro ini hendaklah berlandaskan kepada akad yang ditetapkan tanpa ada unsur riba. Ini dapat membantu golongan usahawan asnaf untuk mendapatkan pembiayaan bebas riba. Menurut Patmawati Ibrahim (2016), pembiayaan daripada dana zakat dapat menjauhkan golongan asnaf terlibat secara langsung dengan pinjaman yang berlandaskan kepada riba. Justeru kaedah pembiayaan mikro yang tanpa riba mengenai kaedah pembiayaan menurut Islam.

4.0 METODOLOGI

Kajian yang dilaksanakan ini telah memenuhi semua kriteria reka bentuk penyelidikan kajian lepas. Penggunaan kaedah analisis kandungan dokumen turut digunakan bagi mengumpul data. Pengumpulan data dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah sumber yang diperolehi daripada Al-Quran dan hadith, yang merupakan sumber asal manakala sumber sekunder diperolehi melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh para ilmuan dan sarjana, sama ada dalam bentuk tesis, buku, surat khabar, jurnal, majalah, kertas seminar, media *online* seperti laman sesawang rasmi organisasi yang diiktiraf, atau dalam bahasa Melayu, Inggeris, Arab, atau pelbagai bahasa lain.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, terdapat tiga dapatan iaitu pembiayaan mikro berasaskan al-Quran dan hadis adalah pendekatan untuk memberikan pinjaman kepada orang yang memerlukan, berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Dapatan kajian kedua menunjukkan kesediaan usahawan asnaf untuk menerima pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat, tenaga kerja, dan pengurusan. Dapatan yang ketiga adalah menggambarkan tentang proses pelaksanaan pembiayaan mikro kredit daripada dana zakat, sumber manusia, dan pengurusan.

Menurut Meerangani dan Amizi (2019) mendapati bahawa persepsi pembayar zakat terhadap institusi zakat adalah positif, dan ini berkait rapat dengan jumlah zakat yang mereka bayar melalui institusi formal. Kestabilan asnaf dalam sosio ekonomi mereka adalah hal yang penting untuk dijaga. Sokongan modal perniagaan dapat membantu golongan asnaf keluar daripada status asnaf dan menjana pendapatan sendiri dengan bimbingan dan bantuan kewangan. Dengan adanya sokongan modal perniagaan, ianya dapat membantu golongan asnaf keluar daripada status asnaf dan menjana pendapatan sendiri dengan bimbingan dan bantuan kewangan.

Selain itu, bagi memastikan dana zakat dikumpul dan diagihkan dengan berkesan, pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bagi menjamin taraf dan kualiti hidup individu, dan membantu mereka melepaskan diri daripada kesusahan yang mereka hadapi (Meerangani, 2019). Dengan adanya program ini, zakat dapat disalurkan secara produktif dalam bentuk bantuan modal tambahan seperti pembiayaan mikro. Hal ini dapat membantu mencapai tujuan pengumpulan

zakat secara lebih produktif. Hal ini bertujuan untuk mengembangkan perniagaan yang dijalankan dengan lebih mendalam lagi.

Jadual 2: Statistik Agihan Zakat Harta dan Fitrah dan Kutipan bagi Negeri Terengganu

Tahun	Kutipan (RM)	Agihan (RM)	Peratusan Agihan
2020	185.1	171.1	8%
2019	178.7	191.2	-7%
2018	160.7	163.1	-1%
2017	137.9	183.8	-33%
2016	133.4	165.9	-24%

Sumber: Laporan diubahsuai daripada sumber Agihan Zakat Harta dan Fitrah dan Kutipan bagi Negeri Terengganu (JAWHAR 2019)

Jadual di atas menunjukkan bahawa kutipan dan agihan zakat di Negeri Terengganu adalah lebih tinggi pada tahun 2016 hingga 2019. Namun, jika keadaan ini berterusan pada tahun-tahun akan datang, bagaimana MAIDAM akan menguruskan dana zakat yang semakin meningkat untuk diagihkan kepada asnaf? Pengurangan kutipan daripada agihan yang berlaku pada tahun 2016 hingga tahun 2019 telah dijelaskan. Agihan zakat tidak lagi menunjukkan keberlanjutan kerana ia melebihi kutipan dalam usaha membendung krisis kemiskinan dalam kalangan asnaf. Hal ini disebabkan oleh pengurangan kutipan yang tidak dapat diatasi dengan baik, sehingga menyebabkan peningkatan agihan. Oleh kerana lebih pengagihan ini, perlu diwujudkan kaedah pengedaran alternatif yang paling cekap untuk mengatasi masalah ini. Maka, pembiayaan mikro merupakan satu kaedah pemberian modal yang lebih berkesan untuk membantu usahawan asnaf. Penilaian terkini menunjukkan bahawa 90% daripada kutipan zakat di seluruh negara telah diagihkan dengan berkesan (Bahri dan Khumaini, 2020).

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini lebih mendalam dalam memberikan justifikasi terhadap kepentingan perbincangan ini. Sehingga kini, belum ada kajian yang memfokuskan tentang pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di MAIDAM, Terengganu. Pembiayaan ini selari dengan muamalat Islam, tetapi masih perlu dikaji lebih lanjut. Pembiayaan ini dilaksanakan dengan selaras dengan muamalat Islam. Meskipun demikian, penelitian terhadap pembiayaan ini masih terbatas. Dengan adanya kajian ini, penyampaian matlamat bagi pembiayaan mikro untuk mengubah golongan asnaf menjadi golongan pembayar zakat.

Sumbangan Penulis

Azamri, K. M., Penulisan, metodologi, perisian dan penyusunan data terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di MAIDAM, Terengganu.
Ibrahim, M. A., Pengesahan, Penyeliaan dan Semakan terhadap data yang disusun

mengenai pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di MAIDAM, Terengganu.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Adnan, N. I. M. (2015). *Mikro kredit daripada dana zakat di baitumalAcheh dan Potensi pelaksanaan di institusi-institusi di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad, M., Noor, A. H. M., Tarimin, M., Bahrom, H. & Kassim, S. (2006). *Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia*. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan.
- Al-Qurtubi. (2006). *al-Jami' Ahkam al-Qur'an*. Beirut: al-Resalah.
- Al-Syatibi. (2006). *Al-Syatibi Wa Maqasid Syariah Islamiyah*. Damsyiq. Beirut: Dar al-Qutaibah.
- Al-Zarqa', Sheikh Ahmad Ibn Sheikh Muhammad. (1989). *Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Bahri, E. S. & Khumaini, S. (2020). Analisis Keberkesanan Penyaluran Zakat pada Badan Amil Zakat Nasional. *Al Maal: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Islam*, 1(2), 164–175. doi: 10.31000/almaal.v1i2.1878.
- Hadi, F. S. A., Mahjom, N. & Ismail, Z. (2014), *Prestasi Bukan Kewangan dan Persepsi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat Produktif*, (Prosiding, International Conference on Masjid. 1-2 Disember 2014).
- Hamat, Z. (2010). Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh. *International Seminar Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia*. Pekan Baru, Riau.
- Ibn Khatir. (1989). *Taisir al-'uli al-Qadir Li-ikhtisar Tafsir IbnKathir*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arufa.
- Ibrahim, P. (2007). *Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah*. Kertas Kerja Dibentangkan Di Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.
- Ibrahim, P. & Ghazali, R. (2014). *Zakah As An Islamic Microfinancing Mechanism To Productive Zakah Recipients*. *Asian Economic and Financial Review*, 2014, 4(1):117-125.
- Ibrahim, P. (2016). Mengoptimalkan Pembiayaan Dana Zakat Untuk Golongan Miskin dan Memerlukan. *Persidangan Mikro Kredit Islam* (pp. 18-29). George Town, Pulau Pinang: Yayasan Islam Pulau Pinang.
- Ibraim, P. & Ramli, R. (2010). *Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakeimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan*. (pp. 104 – 113). Port Dickson: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V).

- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Malaysia: Pendidikan Sultan Idris.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Pearson Pretice Hall.
- Meerangani, K. A. & Amizi, A. S. (2019). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Daerah Petaling. *Jurnal of Fatwa Management and Research*, 18(3): 1-15.
- Meerangani, K. A. (2019). The Effectiveness of Zakat in Developing Muslims in Malaysia. *Journal of Islam and Humanities*, 3(2): 127-138.
- Mufid Abdul al-Lawi & Najiah Solihi. (t.t). *Istrarijiah al-TamwilMtanahi al-Songhir al-Islami FI JazairLitahqiq al-Tamniyah al-Mustadamah-Dirasah Halah Sonduqak-Zakah bil Jazair*. al-Jazair: Jamiah al-Wadi.
- Muhammad 'iwazHaykal. (2007). *Kifayat al-akhyar*. Cairo: Dar al-Sallam.
- Muhammad, Abdullah Abudl al-Muhsin al-Turky & Abdul al-Fatah al-Hilwa. (1997). *al-Mughni*. Riyadh, Kingdom of Saudi: Dar Ilmi al-Kutub.
- Muhammad Umer Chapra. (1993). *Islam and Economic Development: A Strategy for Development with Justice and Stability*: International Institute of Islamic Thought.
- Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha. (1992). *Fiqh al-Minhaji ala MAzhabi al-Imam al-Syafii*.Damsyik: Dar al-Qalam.
- Neuman, L. W. (2003). *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn Bacon.
- Ryan, Scapens, & Theobold. (2002: 137). *Research Method and Methodology in Finance and Accounting* (Second Edition). London. Thomson.
- Robinson, Marguerita S. (2002). *The Microfinance Revolution: Volume 2, Lessons from Indonesia*. Washington: World Bank.
- Sekaran. (2005). *Research Method For Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons Inc.
- Syahatah, H. H. (1994). *Ahkam al-Zakah*. Cairo: al-Madain.
- Syahatah, H. H. (2006). *Fiqh al-Tatbiq al-Elzami Lil Zakah 'Ala Mustawa al-Daulah*. Cairo: Buuth Wa Dirasat fi al-Fikr al-Iqtisadi al-Islami.
- Syahatah, H. H. (2003). Terj. Hamid FahmyZarkasyi dan HarunAr-Rashid Hj. Tuskan. (*Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem dan Agihannya 2003*). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Syahatah, H. H. (2015). Temu bual Dijalankan Di Pejabat Rasmi Dar al-Mashoroh. Nasr City, Cairo, Egypt. Pada 13 Oct 2015.
- Tahir, H. M. & Ahmad, S. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Tarimin, M. (2011). *Produk Mikro Kredit Menggunakan Dana Zakat: Satu Sorotan Hukum*. Selangor: Akademi Zakat Selangor.
- Wahbah Wahbah al-Zuhaili, (1994). Terj. Md. KhirHj. Yaacob, at el, *Fiqh& Perundangan Islam*, Jld. III, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qardawi (2003). *Fiqh al-Zakat: DirasatuMuqaranah lil Ahkamiha wa Falasafatiha fi zhou'I al-Quran wa al-Sunnah*. Cairo: Maktabah Wahabah.